PENDAKWA RAYA

lwn.

ROSLAN B. MOHD NOR

MAHKAMAH TINGGI KOTA BHARU
DATO' SULEIMAN BIN HASHIM PK.
[PERBICARAAN JENAYAH
NO: 47-4-1989]
3 FEBRUARI 1993

DADAH BERBAHAYA: Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) & 39B(2) - Tuduhan pemilikan cannabis seberat 290.4g untuk tujuan diperedarkan - Isu samada wujud atau tidak perhubungan prima facie - Antara tertuduh dengan beg plastik warna biru (P7) di dalamnya dadah dinyata dituduhan - Permohonan peguam tertuduh mencabar kebolehpercayaan saksi pendakwa (SP6) - Seksyen 37(d), (da), (vi) ADB 1952 - Kebolehterimaan percakapan beramaran tertuduh - Tertuduh mengatakan telah disepak, tendang dan diugut supaya memberi percakapan beramaran - Lapuran polis bapa tertuduh yang melihat muka tertuduh mengalami kecederaan - Kelewatan membuat lapuran polis oleh bapa tertuduh - Keberatan pihak polis membawa tertuduh untuk rawatan - Beban bukti terhadap pendakwa - Keperluan mendapatkan rawatan secepat mungkin - Tertuduh diperintah membela dirinya - Permohonan TPR memohon kebolehpercayaan tertuduh dicabar dan kebolehpercayaan saksi tertuduh (ST3) dicabar - Penggunaan rekod kes Mahkamah Sesyen - Keputusan hebolehpercayaan selepas tamat perbicaraan dan penghujahan - Samada pembelaan menimbulkan keraguan munasabah - Percanggahan keterangan saksi pendakwa - Penilaian saksi-saksi oleh Mahkamah.

Tertuduh dituduh memiliki cannabia seberat 290.4 gram untuk tujuan diperedarkan dibawah 39B(l)(a) & 39 B(2) ADB 1952. Pihak polis telah bertindak di atas maklumat lebih kurang 12.00 tengah malam dan terserempak dengan beberapa orang, seorang bernama Anuar b. Yusof yang ditangkap dengan serta merta, seorang berjaya melarikan diri dan tertuduh yang ditangkap dirumah No. 7. Tertuduh telah dikatakan melemparkan sebuah bungkusan ke atas satu zinc. Saksi pendakwa Konst. Supian b. Hanaflah (SP10) telah menyuluh lampu suluh dan melihat bungkusan plastik berwarna biru dan tiada bungkusan lain. Selepas itu SP10 mengejar lelaki yang membuang bungkusan tersebut yang kemudiannya lelaki dikejar terjatuh dari bumbung setelah atapnya pecah. Tertuduh telah kemudian ditangkap dirumah No. 7 yang sedng menyorok di bawah katil oleh (SPG) yang mengetuai kumpulan polis.

Peguam pembela mencabar perhubungan antara beg plastik biru yang mengandungi dadah seperti dinyatakan dituduhan dengan tertuduh dengan mencabar kebolehpercayaan SP6. Mengenai perjumpaan beg plastik tersebut dengan tertuduh. Peguam pembela juga mencabar percakapan beramaran tertuduh diatas fakta ianya diberi setelah dipukul dan diugut. Pihak polis telah lewat membawa tertuduh untuk rawatan setelah dibuat lapuran polis oleh bapa tertuduh yakni pada 6.45 petang pada 23 Mac 1988 sehingga 24 Mac 1988 jam 9.40 pagi.

Setelah dipertimbangkan walaupun Mahkamah menolak perakuan di percakapan beramaran tertuduh Mahkamah telah mendapati terdapat perhubungan di antara beg plastik yang mengandungi dadah berkenaan dengan tertuduh. Oleh demikian pembelaan dipanggil.

YA TPR telah membuat permohonan untuk mencabar kebolehpercayaan tertuduh di saksinya ST3 berdasarkan perbicaraan di Mahkamah Sesyen dimana ST3 ialah yang tertuduh dan yang tertuduh ialah saksi.

Pembelaan cuba menimbulkan keraguan yang munasabah dengan merujuk kepada percanggahan saksi pendakwa SP6 dan SP7 berkenaan masa kejadian tertuduh jatuh dari bumbung. Percanggahan juga dikatakan diantara keterangan SP6 dan lapuran polis dibuatnya (D4) kerana tidak menyatakan Konst. Nordin mem memberitahu beliau tertuduh membaling P7 ke bumbung dan beliau mengutipnya manakala beliau menyatakan dalam lapurannya berkenaan perkara lain dengan terperinci.

Diputuskan:

[1] Pembelaan telah dipanggil walaupun didapati percakapan beramaran tertuduh tidak diterima kerana terdapat perhubungan di antara beg plastik yang berwarna biru yang mengandungi dadah seperti di tuduhan dan tertuduh.

[2] Kebolehpercayaan saksi tertuduh (ST3) tercabar kerana didapati percanggahan di dalam keterangannya di kes ini dan direkod perbicaraan di Mahkamah Sesyen semasa ST3 dituduh.

[3] Fakta siapa sebenarnya yang telah melaporkan beg plastik biru yang mengandungi

dadah tersebut tidak kukuh samada ianya perbuatan tertuduh.

[4] Walaupun saksi-saksi tidak tergugat di masa soal balas ianya bukan satu ujian yang muktamad mengnai kebolehpercayaan.

[5] Peninggalan fakta yang dianggap "material" oleh Mahkamah di D4 oleh SP6 dan sungguhpun Hakim tidak menerima atau mempercayai huraian tertuduh, orang tertuduh tidak boleh disabitkan sehingga Mahkamah berpuashati atas sebab yang mencukupi bahawa huraian yang diberi itu tidak membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap pendakwa dan didapati tiada yang tidak berkemungkinan di dalam huraian tertuduh samada benar atau tidak.

[6] Didapati di dalam pertimbangan keseluruhannya pembelaan telah membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa.

[Tertuduh didapati tidak bersalah dan dilepaskan serta dibebaskan]

Kes-kes yaag dirujuk:

Mahinder Singh lwn. PP [1967] 1 MLJ 132 MP ***(dirujuk)***

PP lwn.Tan Seow Chuan [1985] l MLJ 318 ***(dirujuk)***

Tan Too Kia lwn. PP [1980] 2 MLJ 187 MP ***(dirujuk)***

Mohd Radhi b. Yaakob lwn. PP [1991] 3 MLJ 116 MA [1991] 3 CLJ 2073 ***(dirujuk)***

Mohd Yusof lwn. PP [1983] 2 MLJ 167 di m.s. 169 ***(diikuti)***

A. Ragunathan lwn. PP [1982] 1 MLJ 139 MP [1982] 1 CLJ 26 ***(dirujuk)***

Dato' Mokhtar Hashim lwn. PP [1983] 2 MLJ 233 MP [1983] 2 CLJ 10 ***(dirujuk)***

Chean Siong Guat lwn. PP [1969] 2 MLJ 63 ***(dirujuk)***

Tai Chai Keh lwn. PP [1948 - 49] MLJ Supp. 105 CA ***(dirujuk)***

PP lwn. Mohd Ali [1962] 28 MLJ 257 ***(dirujuk)***

PP lwn. Shabaan [1989] 2 MLJ 313 ***(dirujuk)***

PP lwn. Wahab [1991] 1 MLJ 218 ***(dirujuk)***

PP lwn. Janggu [1985] 2 MLJ 403 / [1985] 1 CLJ 321 ***(dirujuk)***

PP lwn. Julbin Alih [1989] 2 MLJ 563 ***(dirujuk)***

PP lwn. Eyan [1989] 3 MLJ 486 ***(dirujuk)***

PP lwn. Mohd Nadzir [1988] 3 MLJ 238 ***(dirujuk)***

Ho Ming Siang lwn. PP [1966] 1 MLJ 256 ***(dirujuk)***

PP lwn. Ismail [1992] 2 CLJ 1253 ***(dirujuk)***

Herchan Singh lwn. PP [1969] 2 MLJ 209 MP. ***(dirujuk)***

PP lwn. Mustafa b. Ahmad [1986] 1 MLJ 302 ***(dirujuk)***

Abdullah b. Yaacob lwn. PP [1991] 2 MLJ 237 MA [1991] 2 CLJ 853 ***(dirujuk)***

Pang Chee Meng lwn. PP [1992] 1 MLJ 137 MA [1992] 1 CLJ 39 ***(dirujuk)***

Akta yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 37(d), (da)(vi), s.39B(1)(a),(2)

Akta Keterangan 1950 ss. 3,24

Bagi pihak Pendakwa Raya - Amirudin b. Ab. Rahman, TPR

Bagi pihak tertuduh - P.M. Mahalingam

ALASAN PENGHAKIMAN

Suleiman bin Hashim PK:

Tertuduh dituduh:

> Bahawa kamu pada 20 Mac 1988 jam lebih kurang 12.00 tengah malam dikawasan Berek Keretapi Tanah Merah, Jalan Hulu Station, Wakaf Baru, didalam Daerah Tumpat, didalam negeri Kelantan, telah didapati dalam milik kamu "Dadah Berbahaya" iaitu "Cannabis" seterat 290.4 gram untuk tujuan diperedarkan. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah s. 39B(l)(a) Akta Dadah Berbahaya No. 30/52 danboleh dihukum s. 39B(2) Akta yang sama.

Dengan hormatnya ada dua isu, mengikut susunan kronologi perbicaraan (in choronological order of the trial), setelah pihak pendakwa menutup kes pihak pendakwa,

(A) Samada ada atau tidak *prima facie nexus* di antara tertuduh dan beg plastik warna biru (P7) di dalamya dadah dinyata di tuduhan serta permohonan Encik P.M. Mahalingam, Peguam bagi pihak tertuduh mencabar kebolehpercayaan Sgt. 51152 Mustafa b. Awang (SP6), serta s. 37(d), (da)(vi) ADB. 1952.

(B) Kebolehterimaan percakapan beramaran (IDP16) tertuduh.

Dengan hormatnya satu persatu:

(A) Samada ada atau tidak *prima facie nexus* di antara tertuduh dan beg plastik warna biru (P7) di dalamya dadah dinyata di tuduhan serta permohonan Encik P.M. Mahalingam, Peguam bagi pihak tertuduh mencabar kebolehpercayaan Sgt. 51152 Mustafa b. Awang (SP6), serta s. 37(d), (da)(vi) ADB. 1952.

Kes pihak pendakwa ialah pada 20 Mac 1988 jam lebih kurang 12.00 tengah malam SP6 mengetuai satu pasukan polis bertindak ke atas maklumat, sampai di tempat kejadian di mana terserempak, di sini kurang jelas diserempak dua atau tiga orang, seorang bernama Anuar b. Yusof ditangkap serta-merta, seorang melarikan diri tidak dapat ditangkap, kemudiannya tertuduh ditangkap di dalam rum ah No. 7, kurang jelas diserempak dua atau tiga orang kerana,

(a) Keterangan Konst. 95065 Nordin b. Awang (SP7), "Apabila pasukan saya sampai di lorong antara dua bangunan blok rumah keretapi saya dapati Kpl. Nairn dan Konst. Fesal memegang seorang lelaki dan saya nampak Kpl. Naim mengambil bungkusan plastik warna putih di tepi bangunan berhampiran lelaki yang ditangkap. Selepas itu dia bagi tahu ada orang lari kebelakang berek. Saya bersama Supian berlari kejar kebelakang berek, Supian sebelah kanan saya sebelah kiri", tidak sebut berapa orang melarikan diri, kurang jelas jumlah berapa diserempak.

(b) Keterangan Kpl. 41581 Naim b. Abdullah (SP8), "Orang yang saya pegang itu meronta cuba hendak melepaskan diri. Masa itu juga bungkusan yang dibawah ke tiabnya jatuh ke tanah dan masa itu Konst. Fesal datang membantu saya menangkap lelaki tersebut dan terus mengarinya. Maaf semasa saya memegang lelaki yang pertama tadi saya ada menjerit "Seorang lagi lari kebelakang berek", bermakna seorang telah ditangkap, seorang melarikan diri, jumlah dua diserempak.

(c) Keterangan Konst. 107866 Fesal bin Abdullah (SP9), "Dimana itu Kpl. Naim juga berpekik samping kata dua orang lari kebelakang berek. Kedua-dua lelaki yang lari tadi telah dikejar oleh Konst. Nordin dan Supian, di masa itu saya memegang YKT yang ditangkap, saya mengawal serta bawa ke tempat yang cerah", bermakna seorang telah ditangkap, dua melarikan diri, jumlah tiga diserampak.

(d) Keterangan Konst. 98888 Supian b. Hanafia (SP10), "Sampai di kawasan berek di depan penjuru berek saya lihat Kpl. Nairn memegang seorang lelaki. Kpl. Nairn seorang diri pegang lelaki itu selepas itu dibantu oleh Konst. Fesal, saya lihat ada benda jatuh, satu bungkusan warna putih, saya lihat di belakang orang yang ditangkap itu lebih kurang 10 kaki nampak bayangan orang lari menghala kebelakang berek. Cahaya sama-sama. Ada cahaya dari lampu pihak keretapi membaiki jalan keretapi. Saya nampak bayangan seorang lelaki berpakaian lengkap berlari menghala kebelakang berek, manghala kekanan, saya tidak nampak dia membuang sesuatu.

S. Awak ada nampak sesiapa di belakang orang yang lari itu.

J. Tidak perasan.

bermaknanya seorang telah ditangkap, seorang melarikan diri jumlah dua diserempak.

Mengenai tertuduh keterangan SP7 di antara lainnya ialah,

> Sampai di sebelah kiri belakang berek saya menyuluh tiada terdapat apa-apa dan tak boleh pergi ke hujung berek kerana saya nampak semak dan berpagar.
>
> Di sini saya telah syak dan panjat sebatang paip di belakang berek, apabila sampai separuh badan saya nampak seorang lelaki tak berbaju di penjuru sebelah kanan di belakang tangki air. Di sini saya menjerit "Ini seorang lagi". Masa itu saya nampak dia mencampak bungkusan ke atas zinc sebelah kiri saya dengan bunyi kuat "bing". Lepas itu saya suluh dengan lampu picit nampak satu bungkusan plastik berwarna biru dan tiada bungkusan selain daripada bungkusan plastik.
>
> Lepas itu saya naik ke atas dan lelaki itu lari ke atas bumbung. Dan saya suluh sekali lagi ke arah plastik yang dia baling itu.
>
> Di sini saya bersuara "Cik ia campak barang bungkusan atas zinc."
>
> Lepas itu saya kejar lelaki yang tak berbaju dan bersehiar track hitam.
>
> Selepas itu lelaki yang dikejar terjatuh dari atas bumbung setelah atapnya pecah dengan bunyi "brauk". Saya ke tempat atap yang pecah itu suluh ke bawah dengan lampu picit nampak lantai simen dan di atas siling tiada terdapat apa-apa. Di sini saya menjerit "la telah jatuh, ia telah jatuh".
>
> Pada masa itu saya dengar suara Sgt. Mustafa bertanya ke arah mana barang bungkusan itu dicampak. Saya suluh dengan lampu picit ke penjuru sebelah kanan dari arah hadapan atap garage kereta itu.
>
> Masa itu saya nampak Sgt. Mustafa panjat dan ambil barang bungkusan plastik warna biru itu.

Keterangan SP7 disokong oleh SP6 dan keterangan SP6 seterusnya ialah SP6 dengan kebenaran Zaharudin b. Ismail (SP4) tuan punya No. 7 itu SP6 masuk ke dalam rumah itu dapat tangkap tertuduh yang sedang menyembunyi di bawah sebuah katil di dalam sebuah bilik rumah itu.

Beg plastik warna biru itu ialah P7, serpihan pecahan atap rumah itu ialah P13 dan serpihan pecahan siting rumah itu ialah P14.

Mengenai samada ada atau tidak *prima facie nexus* di antara tertuduh dan beg plastik warna biru (P7) itu prinsipnya seperti di kes *Mahinder Singh lwn. PP* [1967] 1 MLJ 132 MP ialah,

> It is not sufficient merely that the complainant appeared quite certain in his own mind that the Accused was his assailant, it was clearly necessary for the court to examine also the grounds of this belief before regarding the question as closed. We have therefore taken into consideration to complainant's answers elicited in cross-examination which were undoubtedly material...

Mengenai permohonan Encik P.M. Mahalingam mencabar kebolehpercayaan SP6.

(1) perkara pertama, "kejar-mengejar" tertuduh dengan hormatnya penjelasan SP6 "maksud saya di sini ialah selain dari Nordin saya sebagai Ketua Kumpulan dan anggota lain kejar tertuduh di bahagian bawah luar berek bahagian hadapan setelah dengar Nordin jerit "Dia dan jatuh.", pada pendapat saya adalah munasabah dan boleh diterima, sebenarnya kurang fahaman diantara Encik P.M. Mahalingam/ SPG dan di antara SP6/Encik P.M. Mahalingam kontex (context) "kejar" yang digunakan oleh SP6.

(2) perkara kedua, mengenai SP6 ada atau tidak jumpa P7 keterangan SP6 di Mahkamah semasa soal-balas oleh Encik P.M. Mahalingam,

> S. Adakah awak lihat plastik beg biru (P7) di atas bumbung rumah No. 7 atau lain rumah di atas bumbung rumah No. 6, 7,8, 9.
>
> J. Tak ada, (di laporan polis (D4) SP6) "Di masa itu juga saya terjumpa satu sumpit plastik biru di atas bumbung berek tersebut" penjelasan SP6 "Saya jumpa beg plastik biru ini di atas bumbung setelah dibagi tahu oleh Nordin saya panjat bangsal kereta itu baru saya jumpa beg plastik biru."

Pada pendapat saya kalau pun kurang munasabah tidaklah mengakibatkan kebolehpercayaan SP6 dicabar, lebih-lebihnya "not unscathed", kes *PP lwn. Tan Seow Chuan* [1985] 1 MLJ 318.

Jadi dengan hormatnya pada pendapat saya dengan menggunakan ukuran prinsip di kes Mahinder Singh berasas kepada keterangan-keterangan SP7 dan SP6 kalau pun tanpa ambil kira keterangan-keterangan saksi-saksi lain yang berkenaan, iaitu, Kpl. 41581 Nairn (SP8), Konst 107866 Fesal di antara tertuduh dan Konst. 98886 Supian (SP10), ada *prima facie nexus* di antara tertuduh dan P7 dan ujudlah s. 37(d), (da)(vi) ADB 1952, *prima facie* tertuduh ada jagaan (custody) atau kawalan (control) P7 itu yang SP7 kata SP7 nampak tertuduh campak dan yang SP7 dan SP6 kata SP6 memperolehi dan yang di dalamnya ada dadah dinyata di tuduhan dan seterusnya s. 37(da)(vi) ADB 1952.

(B) Kebolehterimaan percakapan beramaran (IDP18) tertuduh.

Saya telah mengadakan perbicaraan dalam perbicaraan dan kronolojinya ialah,

(1) pada 21 Mac 1988, 3.30 petang Insp. Ibrahim b. Pawan (SP11) merakam IDP18. Kata tertuduh sebelum itu Insp. Ghazali b. Che Harun (SP11) pegawai penyiasat kes ini ada sepak, tendang mukanya, ugut supaya memberi percakapan kepada SP11. Tambah kata tertuduh mukanya bengkak-bengkak, bibirnya pecah berdarah. SP17 ada menafi tomahan itu.

(2) pada 21 Mac 1988 lebih kurang 6.00 petang tertuduh dibawa oleh polis ke tempat kejadian untuk siasatan polis selanjutnya. Kata Mohd Nor b. Ismail (ST1) bapa tertuduh beliau nampak tertuduh di tempat kejadian, beliau nampak muka tertuduh bengkak-bengkak, bibirnya pecah.

(3) pada 23 Mac 1988, lebih kurang 5.07 petang ST1 membuat laporan polis (D7) di Balai Polis Kota Bharu mengenai kata ST1 muka tertuduh bengkak-bengkak, bibirnya pecah. YATPR ada menyoal balas ST1 kelewatannya membuat D7. Penjelasan ST1 ialah pada 21 Mac 1988 petang hari sudah lewat, maghrib, juga tidak begitu faham dari segi undang-undang dan peraturan untuk membuat aduan, esoknya (22 Mac 1988) pukul 7.00 pagi pergi kerja, sebelah petang dipanggil ke Jabatan Pendidikan Daerah Pasir Mas, Tumpat negeri Kelantan berhubung dengan tugas biasa, esoknya (23 Mac 1988) sebelah pagi ST1 tidak ada apa-apa penjelasan, "cuma ada kelapangan pada 23 Mac 1988". Jadi STl kelewatan membuat laporan D7 mulai 21 Mac 1988 lebih kurang 6.00 petang hingga 23 Mac 1988 lebih kurang 5.07 petang.

(4) pada 23 Mac 1988, 6.45 petang Balai Polis Tumpat dapat makluman D7.
(5) pada 24 Mac 1988, 9.40 pagi tertuduh dibawa rawatan kepada Dr. Zaidb. Azahari (SP12) Hospital Daerah Tumpat. Jadi Polis Balai Polis Tumpat kelewatan membawa tertuduh untuk rawatan mulai 23 Mac 1988, 6.45 petang hingga 24 Mac l988, 9.40 pagi.

Jadi kelewatan 8T1 membuat laporan Polis (D7) kelewatan Polis Balai Polis Tumpat membawa tertuduh untuk rawatan.

Mengenai sesuatu tomahan seperti di D7, prinsipnya keperluannya untuk mematahkan (rebuttal) ialah seperti dijelaskan di kes *Tan Too Kia lwn. PP* [1980] 2 MLJ 187 MP.

Dengan hormatnya rasa saya seelok-eloknya untuk mematahkan sesuatu tomahan ialah dengan secepat mungkinnya (at earliest available opportunity).

Di kes di hadapan saya sekarang ini sungguhpun ada kelewatan oleh STl membuat D7, memandangkan kepada beban pembuktian (burden of proof) membuktikan melebihi keraguan munasabah (beyond reasonable doubt) ke atas pihak pendakwa, kes *Mohd Radhi b. Yaakob v. PP* [1991] 3 MLJ 116 MA termasuk IDP18 itu diberi oleh tertuduh secara sukarela, seelok-eloknya Polis Balai Polis membawa tertuduh untuk rawatan secepat mungkinnya supaya tidak timbul keraguan oleh sebab kelewatan itu tidakkah bengkak-bengkak muka tertuduh, pecah bibir tertuduh telah surut pada 24 Mac 1988. 9.40 pagi itu, lebih-lebihnya dengan adanya perkataan "appears" di s. 37A ADB 1952 seperti dijelaskan *di kes Mohd Yusof lwn. PP* [1983] 2 MLJ 167 di m.s. 169,

> The more important reason, I think, arises from the construction of words in the first proviso to the section "if the making of such statement appears to the Court to have been caused by any inducement threat or promise... from a person in authority...
>
> It is the reproduction of the provision of s. 24 of the Evidence Act 1950 which deals with confessions made by accused persons.The word "appears" indicates a lesser degree of probability than "proved" as defined in s. 3. A well-grounded suspicion based on the facts and surrounding circumstances may exclude a confession. Since proof of inducement or threat is difficult and in many cases impossible of attainment at that stage, the discretion of the court is unfettered by the concrete standard of proof necessary in other cases. The court is therefore free to scrutinize the evidence and surrounding circumstances to determine the presence or absence of any threat or inducement, its sufficiency and how it worked in the mind of the Accused.

Jadi dengan hormatnya pada pendapat saya dengan menggunakan ukuran "a lesser degree of probability than proved", memandangkan kepada keseluruhannya (surrounding circumstances) saya tidak dapat terima IDP18.

IDP18 adalah tidak dapat diterima (inadmissible). IDP18 adalah dtolak.

Walaubagaimana pun dengan hormatnya oleh kerana pada pendapat saya ada *nexus* disebut, isu (A) di atas, berasas kepada kes *A. Ragunathan lwn. PP* [1982] 1 MLJ 139 MP dan kes-kes berikutan saya perintah tertuduh membela dirinya ke atas tuduhan.

(C) Pembelaan tertuduh

Y.A. TPR ada dua permohonan. Dengan menggunakan rekod perbicaraan kes SKB(A) 61-2-90 Mahkamah Sesyen Tumpat (IDP22) yang diakui sah oleh Hakim Mahkamah Sesyen di mana tertuduh ialah saksi dan Anuar b. Yusof (ST3) ialah tertuduh, YA. TPR mohon:

(1) kebolehpercayaan tertuduh dicabar
(2) kebolehpercayaan Anuar b. Yusof (ST3) dicabar.

Mengenai (1) di atas kata Y.A. TPR dan Y.A. TPR gariskan di IDP22 pertama, di IDP22 keterangan tertuduh "Pada malam itu saya "ditangkap oleh polis semasa saya tidur di dalam berek" percanggahan material dengan keterangan tertuduh sekarang "saya hayal, saya baring di situ", penjelasan tertuduh "Apa yang dimaksudkan ialah bukan saya ditangkap di situ tetapi saya tidur di berek No. 9", keputusan saya seterusnya "munasabah, boleh diterima, saya terima, tidak percanggahan material", kedua di IDP22 keterangan tertuduh "kami pergi ke rumah kakak saya Pasir Mas pada malam itu. Saya Anuar, Osman dan kakak saya pergi ke Pasir Mas" percanggahan material dengan keterangan tertuduh sekarang "S. Ada pergi kemana-mana bersama Anuar dan Osman pada malam itu, J. Tidak", penjelasan tertuduh "saya terlupa", jawapan-jawapan tertuduh kepada soalan-soalan saya seterusnya, "S. Terlupa apa. J. Terlupa hendak cakap, terlupa hendak bagi tahu pasal sudah lama. S. Terlupa hendak cakap di mana, terlupa hendak beri

tahu kepada siapa. J. Keterangan di sini", keputusan saya sekarang setelah tamat perbicaraan, setelah saya dengar penghujahan kedua-dua pihak, kes *Dato' Mokhtar Hashim lwn. PP* [1983] 2 MLJ 233 MP, ialah, penjelasan tertuduh ialah munasabah, boleh diterima, saya terima.

Jadi dengan hormatnya kebolehpercayaan tertuduh tidak dicabar.

Mengenai (2) di atas kata YA TPR dan YA TPR gariskan di IDP22 ada lima perkara di lapan tempat di IDP22 keterangan ST3 percanggahan material dengan keterangan 8T3 sekarang dan setelah saya meneliti semuanya itu dengan hormatnya pada pendapat saya, seperti saya rakam di rekod perbicaraan,

Mahkamah

Hanya dua perkara keterangan saksi di IDP22 dan di Mahkamah ini pencanggahan material, perlu saksi memberi penjelasan, iaitu,

(1) perkara pertama, dan
(2) perkara kelima.

Mengenai (l)perkara pertama,

(1) keterangan saksi di IDP22 ialah di m.s.81 "Osman suruh saya tunggu sekejap di situ. Dia hendak tunjuk barang kepada saya. Sya tanya beliau barang apa. Dia kata tunggu dia akan tunjuk" dan di ms. 86 "Osman kata dia nak tunjuk barang kepada saya. Saya syaki ganja", sedangkan keterangan saksi kepada saya ialah,

S. Awak pergi kekawasan berek itu bersama Osman kerana beliau hendak tunjukkan sesuatu barang kepada awak.

J. Tidak.

Mengenai (2) perkara kelima,

(2) keterangan saksi di IDP22 ialah di ms. 84 "saya hanya syak barang yang ditunjuk oleh Osman itu adalah ganja tetapi saya tidak pasti" dan di ms. 86 "saya tak tahu barang itu adalah ganja" sedangkan keterangan saksi kepada saya ialah,

saya keluar Roslan menutup pintu, saya keluar bersama Osman. Semasa keluar saya membawa satu bungkusan dan Osman membawa satu bungkusan. Bungkusan saya bawa dalam plastik berwarna putih mengandungi ganja. Bungkusan Osman bawa berwarna biru, mengandungi ganja.

S. Awak bawa yang ini (D2 ditunjuk).

J. Ya.

S. Osman membawa P7 ini (P7 ditunjuk).

J. Ya.

S. P7 mengandungi dua ini (P6 dan P8).

J. Mengandungi ganja.

S. Sila beri penjelasan satu persatu.

J. Sebab semasa di Mahkamah Sesyen lawyer saya bagitahu untuk menang kes saya di Tumpat dan saya mesti bercakap apa yang dia suruh. Itu sahaja, semua sekali.

S. Ada apa-apa lagi kehendak tambah penjelasan mengenai dua perkara itu.

J. Tak ada.

Mahkamah

Keputusan samada kebolehpercayaan saksi dicabar atau tidak selepas tamat perbicaraan selepas saya dengar penghujahan kedua-dua pihak.

Keputusan saya sekarang setelah tamat perbicaraan setelah saya dengar penghujahan kedua-dua pihak ialah ST3 telah dengan sendiri megaku beliau seorang sanggup mempalsukan keterangan di Mahkamah, sanggup memberi keterangan palsu di Mahkamah, seorang kebolehpercayaan curang.

Dengan hormatnya kebolehpercayaan ST3 adalah dicabar.

Keterangan tertuduh ialah,

Pada 20 Mac 1988 jam lebih kurang 11.00 malam saya sampai rumah No. 9 itu.

Saya pergi ke rumah itu untuk membeli ganja. Bila sampai rumah itu saya ketok pintu belakang dan masuk.

Bila saya ketok pintu belakang ada orang menanya siapa, saya jawab saya kenalkan nama saya Lan, mereka pun membuka pintu.

Bila masuk rumah itu saya lihat Osman dan Anuar. Saya boleh cam mereka.

S. Apa jadi dalam rumah itu, apa you tanya.

J. Saya tanya ada ganja.

S. Siapa jawab.

J. Osman jawab.

Osman jawab ada.

Saya beri Osman RM5. Osman beri saya satu kartus. Saya terus hisab di situ. Saya hisab di dapur rumah itu. Saya hayal. Saya baring di situ. Lebih kurang 20 minit Anuar dan Osman beritahu kepada saya dia hendak pulang. Saya melihat mereka membimbit dua bungkusan, seorang satu bungkusan. Bila mereka keluar, mereka minta tolong saya kunci pintu dari dalam. Saya kunci dengan selang, pakai selang.

S. Mereka keluar, kenapa you hendak baring lagi.

J. Mahu menghilangkan hayal saya kerana hendak pulang ke rumah.

Pada 20 Mac 1988 jam lebih kurang 12.00 tengah malam saya dengar tendangan pintu belakang berek tempat saya baring, berek No. 9 itu.

Saya dengar "Polis." Pada masa itu saya tahu hisab ganja satu kesalahan. Bila saya dengan "Polis" saya terus memanjat ke bumbung saya hendak melarikan diri.

S. Pintu bumbung ada pecah, bagaimana pecah.

J. Saya terpijak, pecahkan. Bila pecah ada bunyi. Bunyi kuat.

S. Bila pecah ada pegawai polis atau polis kejar awak atas bumbung.

J. Tak ada.

S. Bila jatuh ke dalam rumah No. 7 apa jadi kepada kaki dan badan.

J. Rasa sakit.

S. Sedikit atau banyak sakit.

J. Ada sakit.

S. Sedikit atau banyak.

J. Banyak juga.

S. Mengikut SP7 dia kata awak ada campak satu bungkusan ke atas bumbung.

J. Tidak ada.

Kata En. P.M. Mahalingam, Peguam b/p. tertuduh, "by inference", setelah saya kata kepada Encik Mahalingam tidak ada keterangan jelas, tidak tertuduh kata dengan jelas, kata Encik Mahalingam "by inference" tertuduh telah panjat keluar daripada berek No. 9 daripada dalam berek No. 9 ke bumbung berek No. 9, iaitu ke atas bumbung berek No. 9, berek No. 9 itu memang kosong, tidak ada penghuni, disahkan oleh SP7, melarikan diri di atas bumbung menuju ke atas bumbung berek No. 7, jatuh ke dalam berek No. 7 ditangkap oleh SP6 di dalam berek No. 7, tidak pada bila-bila masa pun tegas Encik Mahalingam tertuduh bersama-sama ST3 dan yang lain-lain bersama-sama ST3 apabila ST3 ditangkap oleh SPG kata Encik Mahalingam, diantara lainnya,

(1) tidak ada keterangan, tidak ada siapa nampak tertuduh memanjat ke atas bumbung No. 9, tidak ada keterangan, tidak ada sesiapa nampak tertuduh memanjat ke atas bumbung No. 9 melalui luar No. 9, SP7 ada ditanya, "So at no time you saw Accused climb on to the cement roof agreed J. Memang saya tak lihat dia naik."

(2) "Even assuming Accused was one of the persons with Anuar when Anuar was arrested by Kpl. Nairn not probable that Accused would have climbed up the roof, more probable Accused would have run back to his house or anywhere except climb the roof...". Dengan hormatnya memang ada keterangan tertuduh yang tidak dicabar, "Pada 20 Mac 1988 rumah saya ke tempat saya kena tangkap lebih kurang 50 kaki, rumah saya di belakang berek keretapi" tertuduh ditangkap dalam berek No. 7 di blok berhampiran di lorong Anuar ditangkap, juga keterangan ST2 juga yang tidak dicabar. " S. Pada 20 Mac 1988 belakang berek No. 9 rumah awak berapa jauh. J. Lebih kurang 100 ela. S. belakang berek itu ada satu jalan ke rumah awak. J. Ada jalan tidak rasmi", juga sebenarnya pengesahan SP7, "S. From the back of the railway quarters No. 6, 7, 8, 9 you can go past the fence and two other directions (Counsel draws three arrows in red to show the three directions on IDP17B). J. memang boleh pergi. S. Behind X10 one can also go in three directions. J. Betul."

(3) SP8 yang mengetuai pasukan polis yang pertama sampai di lorong itu, SP8 yang seterusnya tangkap ST3 di lorong itu tidak dapat kata tertuduh ada di situ, "S. Was the other person the Accused. J. Bukan" dan "S. You never saw Accused with Anuar or the person who escaped. J. Saya tak nampak lain selain daripada Anuar dan yang lari."

(4) Saksi-saksi pendakwa sendiri tidak pasti berapa ramai bersama ST3, dua atau tiga. Dengan hormatnya saya setuju, SP7 tidak sebut berapa, kata SP8 "seorang lagi lari kebelakang berek", kata SP9 "kedua-dua

lelaki yang lari kebelakang berek", kata SP10 "bayangan orang lari .. bayangan seorang lelaki berpakaian lengkap berlari kebelakang berek..." juga kata SPI0 "tidak perasan" samada "sesiapa di belakang orang yang lari itu."

Dengan hormatnya memang seperti kata YA. TPR tidak dua orang nampak lihat sama, tidak seorang nampak, lihat semua, kes *Chean Siong Guat lwn. PP* [1969] 2 MLJ63 tetapi kes *Tai Chai Keh lwn. PP* [1948 - 49] MLJ Supp. 105 CA,

> Where there is more than one inference which can reasonably be drawn from a set of facts in a criminal case, we are of opinion that the inference most favourable to the Accused should be adopted.

Jadi dengan hormatnya inferens berkehendakkan Encik Mahalingam, tertuduh di atas bumbung tidak di lorong, tidak pada bila-bila masa pun tertuduh bersama-sama ST3 apabila ST3 ditangkap oleh SP8, saya bersetuju.

Tetapi masih isu, masih soalan adakah atau tidak kes pihak pembela membangkitkan atau menimbulkan keraguan munasabah (raised a reasonable doubt) tertuduh yang memiliki dan kemudian campak atau lempar P7.

Keterangan SPG,

> ...kemudian saya pergi ke bangsal kereta pula dan Konst. Nordin daripada atas bumbung tadi yang berada ditempat bunyi pecahan kuat tadi telah menyuluh ke arah bangsal kereta dan saya telah panjat bangsal kereta itu melalui satu kayu palang kemudian saya nampak ada satu bungkusan plastik warna biru di atas bumbung bangsal kereta tadi di masa itu tidak ada Iain-lain bungkusan lain-lain barang selain daripada bungkusan plastik, kemudian saya ambil bungkusan plastik itu saya pegang ditangan...

Keterangan SP7,

> Pada masa ini saya dengar suara Sgt. Mustafa bertanya ke arah mana barang bungkusan itu dicampak. Saya suluh dengan lampu picit ke penjuru sebelah kanan dari arah hadapan atap garaj kereta itu. Masa itu saya nampak Sgt. Mustafa panjat dan ambil barang bungkusan plastik warna biru itu.

Di sini kata Encik Mahalingam diantara lainnya,

(1) ada percanggahan material di antara keterangan SPG dan SP7, iaitu,

(a) SPG, "Di masa itu juga saya dengar suara Konst. Nordin memberi tahu kepada saya ada orang lempar barang atas bumbung atap bangsal kereta, masa itu saya nampak Konst. Nordin di atas berada di atas bumbung bahagian dapur berek keretapi, di masa itu juga saya terdengar satu pecahan yang bunyi kuat dan masa itu juga Konst. Nordin telah menjerit "Dia dah jatuh Encik", juga "S. How long after Nordin talked to you did you hear the carshing sound. J. Tiba-tiba. Tiba-tiba saya bercakap, semasa dia sedang bercakap dengan saya, saya dengar bunyi."

(b) SP7, "...Saya nampak seorang lelaki tak berbaju di penjuru sebelah kanan ...saya menjerit "Ini seorang lagi". Masa itu saya nampak dia mencampak bungkusan ke atas zinc sebelah kiri saya dengar bunyi kuat "bing" lepas itu saya suluh dengan lampu picit nampak bungkusan plastik berwarna biru dan tiada bungkusan selain daripada bungkusan plastik. Lepas itu saya naik ke atas dan lelaki itu lari ke atas bumbung. Dan saya suluh sekali lagi ke arah plastik yang dia buang itu. Di sini saya bersuara "Ia campak barang bungkusan atas zinc". Lepas itu saya kejar lelaki yang tak berbaju itu berseluar trak hitam. Selepas itu lelaki yang dikejar terjatuh dari atas bumbung sebelah atasnya pecah dengan bunyi "brack".. Di sini saya menjerit "Ia telah jatuh, ia telah jatuh."

(c) Kata Encik Mahalingam percanggahan ialah mengikut SPG semua itu berlaku serentak dengan kata SPG "Di masa itu juga... masa itu saya nampak... di masa itu juga saya terdengar..." dan dengan apabila SPG disoal-balas menjawab "Tiba-tiba...", mengikut SP7 semua itu berlaku tidak serentak tegas Encik Mahalingam percanggahan itu ketara dengan soalannya kepada/jawapan oleh SP7, "S. According to Sgt. Mustafa you stood at N in IDP17B, your face faced him and you said someone had thrown a blue plastik bag on the garage roof and while you were telling him so he heard the crashs sound, the Sgt. was at F in IDP17. J. Sayabagi tahu "Cik dia campak barang di atas zinc" lepas itu saya pun kejar lelaki itu.

(2) ada percanggahan material di antara keterangan SP6 dan laporan polis (D4) yang dibuat olehnya, iaitu, kata Encik Mahalingam, "D4 lodged by Sgt. at first opportunity, he was over-all leader of the police party, crucial issue if it is true that Konst. Nordin told him Accused threw P7 on to garage roof and he picked it Sgt. would have stated so in D4, this crucial matter comprising two facts, two simple facts not stated in D4, on the contrary in D4 chase on roof and many other matters."

Mengenai (l)(a), (b) dan (c) di atas YA TPR mengemukakan.

(1) *Kes PP lwn. Mohd Ali* [1962] 28 MLJ 257

> cow jumping over the moon

(2) *PP lwn. Shabaan* [1989] 2 MLJ 313

> discrepancies were minor and did not detract from the clear evidence showing that the Accused carried a bag, that he ran and that he threw it before his arrest

(3) *PP lwn. Wahab* [1991] 1 MLJ 218

> at most the discrepancy related to a matter of detail and did not affect the essential fact that the Accused was seen carrying the incriminating package in his right hand.

Dan dengan hormatnya jika boleh saya tambah kes *Chean Siong Guat lwn,* PP [1969] 2 MLJ 63

> No two persons can describe the same thing in exactly the same way. Sometimes what may appear to be discrepancies are in reality different ways of describing the same thing, or it may happen that the witnesses who are describing the same thing might have seen it in different ways and at different times and that is how discrepancies are likely to arise. These discrepancies may either be minor or serious discrepancies ...

Dan dengan hormatnya jika boleh saya tambah lagi kes-kes *PP lwn. Janggu* [1985] 2 MLJ 403, *PP lwn. Julbin Alih* [1989] 2 MLJ 563 dan *PP lwn. Eyan* [1989] 3 MLJ 486, keputusan/ penghakiman tertuduh didapati salah, sabit seperti di kes-kes *Mohd Ali, Shabaan* dan *Wahab.*

Juga tetapi kes *PP lwn. Mohd Nadzir* [1988] 3 MLJ 238 tertuduh "threw a package (later found to contain heroin) from the motorcycle." Keputusan tertuduh dibebaskan dan dilepaskan.

Dengan hormatnya memangada kes-kes disebut itu, kes *Mohd Ali* ada atau tidak saksi-saksi "shaken by cross-examination", juga ada kes *Dato' Mokhtar Hashim* MP, di ms. 247, 248,

> ... the fact that witnesses were unshaken in cross-examination is not per se an all-sufficient acid test of credibility. The inherent probability or improbability of the fact in issue must be the prime consideration.

Dan kes *Ho Ming Siang lwn. PP* [1966] 1 MLJ 256,

> Now this may be possible in the sense that all things are possible but in the highest degree improbable. There have been from time to time unfortunate incidents where police officers have been tempted to "touch up" individual pieces of evidence to strengthen a case against a man they believe to be guilty ...

Mengenai (2) di atas, iaitu mengenai laporan polis (D4) yang dibuat oleh SP6, YA TPR mengemukakan,

(1) kes *PP lwn. Ismail* [1992] 2 CLJ 1253

> meaning of first information report

(2) kes *Herchan Singh lwn. PP* [1969] 2 MLJ 209 MP.

> it is wrong to hold up the first information report as a sure touch stone by which the complainants credit may invariably be impeached. It can only be used for that purpose with discrimination, in much the same way as previous statements by the witness are used, so that irrelevant errors in detail are not given exaggerated importance, nor omissions, objectively considered in the light of surrounding circumstances.

Dengan hormatnya pada pendapat saya, setelah saya dengar apa kata Encik Mahalingam dan apakata YA. TPR.,

(1) mengenai (l)(a), (b) dan (c) di atas dengan sendirinya (by itself in isolation) percanggahan itu tidak begitu serius, tidak serius seperti di kes *PP lwn. Mustafa b.* Ahmad [1986] 1 MLJ 302, percanggahan di antara keterangan Chief Inspector (pada ketika perbicaraan Pemangku PPP) Yeap Hooi San (PW1) dan keterangan DPC 2052 (pada ketika perbicaraan DP. Kpl) Syed Faisal b. Abdul Rahman (PW4), dimana di ms. 307, 308,

> Even though PWl and PW4 were in agreement that when questioned about the pistol Accused had mentioned house No. 8B

Jalan Dato Dalam there is still contradiction between the evidence of PW1 and PW4 as to what Accused actually said... There is also contradiction between the evidence of PW1 and PW4 as to the recovery of the exhibits... I am not prepared to convict him merely on the evidence of PWl and PW4.

Tertuduh dibebaskan dan dilepaskan setelah/selepas pembelaan.

(2) Mengenai (2) di atas, saya setuju dengan Encik Mahalingam ketinggalan, bukan percanggahan seperti kata Encik Mahalingam, ketinggalan bukan percanggahan, ketinggalan di D4 yang panjang dan lebar itu, yang mengandungi bebrapa detail, yang SP6 buat pada jam lebih kurang 2.50 pagi 21 Mac 1988, kurang tiga jam selepas kejadian, ketinggalan itu perkara "crucial matter..."

(3) permohonan Encik Mahalingam kebolehpercayaan SP6 dicabar dengan menggunakan D4, *vis-a-vis* D4, keputusan saya kebolehpercayaan SP6 tidak dicabar, tetapi tidak "unscathed", kes *Tan Seow Chuan.*

(4) mengenai kes pihak pembela yang dengan ringkasnya dengan sendirinya (by itself, in isolation, as a bare statement *ipse dixit*) ada Osman yang membawa P7 dan ST3 yang membawa D2 keluar daripada berek No. 9 dan bukan tertuduh yang memiliki dan kemudian campak atau lempar P7 itu, kemungkinan Osman yang berjaya melarikan diri atau sesiapa seorang lain daripada seorang atau dua orang lain yang berjaya melarikan diri campak atau lempar P7 itu tidak kukuh sepeti kukuhnya di kes *Abdullah b. Yaacob lwn. PP* [1991] 2 MLJ 237 MA di mana Insp. Sakri (PW4) dan Konst. Ganesan (PW5) telah disoal balas dengan tepat dikatakan perbuatan tertuduh.

Dengan hormatnya tetapi memandang, menimbang kepada keseluruhannya (in its totality) berasas kepada, penelitian kepada keterangan-keterangan pihak pendakwa dan keterangan-keterangan pihak pembela pada keseluruhannya (in the totality), yang dengan hormatnya telah saya huraikan, bersama pendapat-pendapat saya dan "...the fact that witnesses were not shaken in cross-examination is not per se an all-sufficient acid test of credibility ... inherent probability or improbability ...", kes Dato' Mokhtar Hashim MP, "... There have been from time to time unfortunate incidents where policeofficers have been tempted to "touch-up" individual pieces of evidence against a man they believe to be guilty...", kes *Ho Ming Siang* MP, dan dengan SP6 ada ketinggalannya material di D4, perkara memperolehi barang kes adalah material, kes *Mustaffa* dan "sungguhpun seorang Hakim tidak menerima atau mempercayai huraian orang yang tertuduh, orang yang tertuduh itu tidak boleh disabitkan sehingga Mahkamah berpuashati atas sebab yang mencukupi bahawa huraian yang diberi itu tidak membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa", kes *Mohd Radhi lwn. PP* [1991] 3 MLJ 189 MA dan rasa saya di kes di hadapan saya sekarang ini dapat saya ikut apa Tun Tan Sri Dato' Hamid, Ketua Hakim Negara kata di kes *Pang Chee Meng v PP* [1992] 1 MLJ 137MA,

> ... there appears nothing improbable with his version, whether true or not...

Dengan hormatnya pada pendapat saya kes pihak pembela telah mebangkitkan, telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwa.